

26 AUG 2002

Mahathir-OUM (Bergambar)

PENUBUHAN OUM LANGKAH PENTING BENTUK GENERASI BERIJAZAH

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Penubuhan Universiti Terbuka Malaysia (OUM) adalah langkah penting dalam membentuk rakyat Malaysia yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya di peringkat ijazah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata memandangkan Malaysia ketika ini berada dalam zaman teknologi maklumat yang serba maju dan canggih, penguasaan rakyat dalam ilmu pengetahuan amat perlu dititik-beratkan.

Katanya masa depan negara ditentukan oleh rakyat yang bukan sahaja berpendidikan tinggi tetapi juga berkemahiran penuh dalam bidang yang diceburi dan bijak membuat penilaian terhadap semua perkara.

"Kita perlu rakyat kita mempunyai ilmu supaya di masa hadapan, negara kita akan dibarisi oleh pekerja yang bukan sahaja berilmu, tetapi cekap dari segi berfikir, membuat analisa dan membezakan yang mana baik dan yang mana buruk," katanya pada persidangan akhbar selepas memberi taklimat khas bagi mesyuarat dan pemilihan Pergerakan Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata dalam merealisasikan hasrat itu, kerajaan tidak boleh mengerah semua rakyat mengikuti pembelajaran secara formal di semua institusi pengajian tinggi dan langkah terbaik adalah dengan membolehkan mereka menimba ilmu menerusi kaedah pembelajaran jauh.

"Dengan kaedah ini, penuntut yang terdiri daripada mereka yang sudah bekerja boleh menimba ilmu pada masa lapang mereka dalam pelbagai bidang kursus yang akan disusun istimewa untuk mereka.

"Kita bukan hanya mahu rakyat Malaysia setakat pergi sekolah dan boleh membaca atau menulis, tetapi kita mahu lebih dari itu. Kalau dulu kita tak ambil kira ada pelajaran atau tidak, sekarang semuanya akan berubah," katanya.

Menyentuh sambutan rakyat terhadap penubuhan OUM, universiti swasta ketujuh negara, Dr Mahathir berkata sambutan sepanjang dua tahun penubuhannya amat menggalakkan dan kini ia mempunyai 7,000 pelajar.

Peluang yang lebih banyak akan dibuka kepada individu yang telah bekerja termasuk anggota tentera dan polis, katanya.

OUM beroperasi di bangunan bekas Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam di Jalan Tun Ismail dan kini mempunyai rangkaian 25 pusat pengajian di seluruh negara.

-- BERNAMA

SOP AZZ RON